

Umat Islam perlu ganda kekuatan ekonomi: PM

Oleh Kamal Ahmad

KUALA TERENGGANU, Isnin — Umat Islam perlu meningkatkan kekuatan ekonomi sejajar agenda dunia abad 21 yang tertumpu kepada agenda ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kekuatan ekonomi kini lebih berkesan daripada kekuatan politik dan ketenteraan, apatah lagi kekuatan ideologi semata-mata.

“Penguasaan dan pembangunan ekonomi menjadi semakin perlu, malah terpaksa dilakukan jika kita mahu dihormati, mengurangkan pergantungan kepada orang lain serta mengangkat martabat orang Islam.

“Banyak keputusan

yang dibuat oleh kuasa besar mengenai isu hak asasi manusia, alam sekitar dan hak pekerja, malah hak untuk mencebroh kedaulatan negara lain juga berdasarkan kepada pertimbangan ekonomi semata-mata,” katanya ketika melancarkan Amanah Saham Darul Iman (Asdi) di Stadium Negeri di sini, hari ini.

Sebagai contoh, beliau berkata Jepun dan Jerman bangkit semula setelah runtuh daripada kemusnahan Perang Dunia Kedua kerana kekuatan ekonomi mereka dipulihkan semula.

Menurutnya, era kini memerlukan golongan Bumiputera menyertai

perniagaan dan perusahaan gergasi bagi mengimbangi pembangunan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

“Penggembleran sumber daripada kaum Bumiputera dapat membentuk satu kuasa melambur yang besar,” katanya.

Asdi adalah satu konsep pelaburan berteraskan syariah diuruskan sepenuhnya oleh PBT Unit Trust Berhad (PUTB), anak syarikat Permodalan Terengganu Berhad. Ia menawarkan saham amanah berjumlah RM500 juta dengan harga RM1.00 seunit.

Sempena pelancaran itu, RM196.24 juta Asdi dibeli beberapa yayasan dan koperasi.

Perdana Menteri berkata, usahawan Melayu boleh berjaya jika mengamalkan nilai murni seperti menepati masa, berjimat cermat, bersyukur, berdisiplin, tegas, berani, kuat bekerja, sabar, amanah dan cekap.

Katanya, kerajaan boleh mewujudkan 1,001 peluang, tetapi peluang itu tidak akan berhasil jika perubahan sikap di kalangan orang Melayu tidak berlaku.

Dr Mahathir berkata, pembabitan rakyat dalam saham amanah akan dapat membantu mengembangkan ekonomi negara selain mendapatkan pulangan jangka panjang yang memuaskan dengan tahap risiko paling mini-

mum.

Katanya, penubuhan saham amanah seperti Asdi dapat memupuk sikap suka menabung di samping membanteras inflasi.

“Namun apa yang lebih penting ialah perkembangan ekonomi negara tidak harus berjalan tanpa pembabitan aktif kaum Bumiputera.

“Kaum Bumiputera sama ada nelayan, kakitangan kerajaan, polis atau tentera perlu terbabit sama dalam arus perkembangan ekonomi yang semakin pesat, jika secara tidak langsung, sekurang-kurangnya secara pelaburan dalam saham amanah,” katanya.

Beliau juga menasihat-

kan pengurus tabung amanah dan kakitangannya menentukan urusan jual beli saham dibuat mengikut cara Islam.

Katanya, mereka juga perlu memiliki ciri-ciri budaya korporat seperti amanah, bersih, jujur, berdisiplin, menepati masa, berakhlak dan berkebolehan.

Menurutnya, Asdi adalah instrumen pelaburan yang berteraskan syariah selain menggambarkan era baru dalam agenda pembangunan di Terengganu.

“Ini adalah stau cara yang baik bagi kita mengagihkan kekayaan negara sekarang untuk dinikmati semua golongan rakyat,” katanya.